

Satu dalam lima belia 'ingin' berhijrah

NUR ADILAH MAHBOB
adilaham@sph.com.sg

HAMPIR satu dalam lima belia berkata mereka amat kerap atau setiap masa berfikir untuk berhijrah dari Singapura buat selama-lamanya, menurut satu kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) pada 2016.

Kajian itu mendapati tahap keinginan untuk berhijrah di kalangan belia adalah sama pada 2016 berbanding 2010 – kali terakhir kajian serupa dijalankan oleh kumpulan penyelidik yang sama dari IPS.

Lebih 2,000 belia yang berusia antara 19 tahun dan 30 tahun diwawancara secara bersempena dari Jun hingga November 2016 dalam kajian yang dapatannya dibentangkan dalam satu taklimat media minggu ini.

Kajian itu diterajui timbalan pengarah penyelidikan IPS, Dr Gillian Koh; penyelidik bersekutu Cik Debbie Soon; dan zamil penyelidik kanan, Dr Leong Chan-Hoong.

Kajian tersebut bertujuan mengenal pasti faktor yang dapat meramal sikap untuk berhijrah, faktor bagi berakar di Singapura, serta negara yang menjadi destinasi penghijrahan.

Penyelidik merumuskan bahawa faktor yang akan mendorong kepada penghijrahan ialah norma masyarakat yang menerima penghijrahan, pandangan bahawa langkah berhijrah akan meningkatkan status sosial dan perlindungan sosioekonomi, rasa mampu untuk berhijrah serta nilai peribadi seperti bercita-cita tinggi.

Sebaliknya, faktor yang merangsang belia untuk berakar di Singapura ialah kepercayaan terhadap kemampuan untuk meningkatkan nasib di negara sendiri, kebanggaan negara dan tahap kepuasan hidup.

Pada 2016, hampir satu dalam lima atau 18 peratus belia melaporkan berfikir secara amat kerap atau setiap masa tentang penghijrahan buat selama-lamanya, jatuh sedikit berbanding pada 2010 (21 peratus).

Hampir satu dalam tiga (29 peratus) pula akan secara aktif menimbangakan kemungkinan berhijrah dalam lima tahun mendatang pada 2016 – sama berbanding tahap 2010.

SEKILAS DAPATAN

- Tahap keinginan untuk berhijrah serupa antara 2010 dan 2016
- Hampir satu dalam lima fikir amat kerap atau setiap masa tentang penghijrahan untuk selama-lamanya
- Hampir satu dalam tiga akan secara aktif menimbangakan kemungkinan berhijrah dalam lima tahun mendatang
- Lebih suku setuju atau amat setuju bahawa orang yang berjaya berhijrah menikmati status sosial lebih baik berbanding mereka yang kekal di Singapura
- Lebih separuh tidak akan melepaskan kewarganegaraan Singapura, meskipun mereka ingin menjadi penduduk tetap (PR) di negara lain
- Tahap kebanggaan nasional dan kepuasan hidup lebih tinggi pada 2016 berbanding 2010, tetapi ketidakpastian mengenai pekerjaan telah meningkat
- Lebih ramai setuju Singapura raih manfaat daripada bakat asing tetapi lebih ramai juga setuju imigrasi jejas perpaduan sosial

Dalam satu taklimat media Rabu lalu, Dr Koh berkata beliau terkejut kajian tersebut menunjukkan tahap keinginan berhijrah kekal stabil antara 2010 dan 2016.

Ini lebih-lebih lagi dengan adanya sentimen terhadap bakat asing di Singapura dalam tempoh itu yang dijangka mendorong orang ramai untuk berhijrah.

Pada masa yang sama, peningkatan sentimen nasional di negara lain pula mungkin telah menjadikannya kurang menarik bagi anak muda untuk berhijrah ke luar negara.

"Kami melihat kepada iklim global dan kami sedar bahawa dunia semakin menjadi populis, berpuak-puak, dan bersikap xenofobia.

"Terdapat konteks global yang menjadi negatif. Dari segi konteks dalaman pula, mungkin sudah cukup yang telah dilakukan dari segi dasar," ujar Dr Koh.

Ini sedang responden menyebut faktor ini sebagai lebih penting dalam mempengaruhi keputusan untuk kekal di Singapura – kesihatan dan keselamatan awam, penjagaan kesihatan, peluang pendidikan, kestabilan politik dan sosial.

Oleh itu, peningkatan dasar dalam bidang ini harus diteruskan untuk memastikan orang muda terus berakar di Singapura, kata penyelidik.

Sementara itu, kajian itu turut menilai sikap belia tentang bakat asing.

Berbanding pada 2010, lebih ramai anak muda pada 2016 setuju Singapura meraih manfaat daripada bakat asing tetapi lebih ramai juga setuju imigrasi menjejaskan perpaduan sosial.

Penyelidik berkata dasar yang menyekat pekerja asing telah membantu mengatasi sentimen mengenai bakat asing di Singapura tetapi lebih banyak yang boleh dilakukan untuk menangani tanggapan bahawa ia tidak akan menjejaskan perpaduan sosial.

Seorang lagi penyelidik dalam kajian itu, Dr Leong pula menarik perhatian lebih ramai warga Singapura kini bekerja dan tinggal di luar negara.

Bilangannya telah meningkat daripada lebih 181,000 pada 2008 kepada lebih 214,000 pada 2017.

"Bilangan warga Singapura yang bekerja dan tinggal di luar negara akan terus meningkat.

"Persoalannya adalah bagaimana memastikan warga Singapura di luar negara akan terus berhubung dengan Singapura meskipun mereka tidak berada di sini.

"Persoalannya adalah bagaimana kita menafriskan warga Singapura," ujarnya.


SIKAP PENGHIJRAHAN DALAM KALANGAN BELIA




Hampir 1 dalam 5 fikir amat kerap atau setiap masa untuk berhijrah dan tinggal di negara lain buat selama-lamanya

(%) Amat setuju Setuju

Saya boleh mencapai apa yang saya mahu tanpa meninggalkan Singapura




Kenaikan penghijrahan tidak dapat dielakkan sedang Singapura mempunyai lebih banyak tekanan dan berdaya saing




SIKAP TERHADAP BAKAT ASING DI SINI


Bakat asing menyumbang kepada pembangunan Singapura sama seperti warga Singapura



Berbanding bakat asing, warga Singapura mempunyai lebih akses kepada peluang pekerjaan, dan bentuk sumber sosial lain



Bakat asing menggunakan Singapura sebagai batu loncatan ke negara maju lain



Sumber: IPS, NUS GRAFIK BERITA HARIAN

Empat golongan belia dengan sikap hijrah berbeza

EMPAT GOLONGAN BELIA

1) PENETAP TERASING (DISCONNECTED STAYERS)

- Tidak mahu hijrah
- Kurang rasa bangga terhadap negara
- Kurang optimistik tentang masa depan ekonomi Singapura

2) PENETAP BERJAYA (FLOURISHING STAYERS)

- Tidak mahu hijrah
- Rasa bangga terhadap negara
- Optimistik tentang masa depan ekonomi negara
- Hubungan keluarga yang kukuh

3) PENJELAJAH

- Mahu dan mampu hijrah
- Paling rasa terjejas dengan kemasukan bakat asing ke dalam negara
- Rasa bangga terhadap negara, dan mempunyai hubungan keluarga yang kukuh

4) TERASING

- Mahu tetapi tidak mampu hijrah
- Paling kurang rasa bangga terhadap negara
- Paling kurang optimistik tentang masa depan ekonomi negara
- Tidak mempunyai hubungan keluarga yang kukuh



WARGA SINGAPURA DI LUAR NEGARA:

Warga Singapura menghadiri Hari Singapura di Victoria Park, London pada 2014. Penyelidik IPS berkata lebih ramai warga Singapura akan bekerja dan tinggal di luar negara tetapi persoalannya adalah bagaimana memastikan mereka terus mempunyai hubungan dengan tanah air mereka. – Foto fail

TERDAPAT empat golongan belia di Singapura yang berbeza dari segi sikap mereka terhadap penghijrahan, menurut kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) pada 2016.

Kajian yang melibatkan lebih 2,000 belia itu menggolongkan seramai 31.6 peratus belia sebagai Penetap Terasing (*Disconnected Stayers*), 29.1 peratus Penetap Berjaya (*Flourishing Stayers*), 11.6 peratus Terasing (*Disconnected*) dan 27.7 peratus Penjelajah (*Explorer*).

Kedua-dua golongan Penetap Terasing dan Penetap Berjaya mempunyai ciri-ciri berikut – tahap keinginan rendah untuk berhijrah, kurang mampu berhijrah, dan kurang rasa terjejas dengan kemasukan bakat asing ke Singapura, kata penyelidik.

Namun, Penetap Terasing mempunyai pandangan sederhana tentang manfaat penghijrahan, manakala Penetap Berjaya pula rata-ratanya tidak melihat manfaatnya.

Penetap Terasing juga mempunyai kurang rasa bangga terhadap negara, kurang optimistik tentang masa depan ekonomi, dan jalinan keluarga yang sederhana, manakala Penetap Berjaya mempunyai markah tertinggi bagi kayu ukur tersebut jika dibandingkan dengan kesemua golongan yang lain.

Sementara itu, golongan Penjelajah dan Terasing mempunyai keinginan yang tinggi untuk berhijrah, dan berasa penghijrahan akan meningkatkan satu sosial dan sosioekonomi.

Bagaimanapun, Penjelajah berasa mampu untuk berhijrah, manakala yang Terasing pula rasa kurang mampu berbuat demikian.

Dalam empat golongan itu, Penjelajah mempunyai pandangan paling negatif terhadap kemasukan bakat asing.

Golongan Terasing pula mencatat markah paling rendah dari segi rasa bangga terhadap negara, kesejahteraan, keyakinan terhadap masa depan ekonomi Singapura dan jalinan keluarga.

Kajian 2016 itu juga mendapati keempat-empat golongan itu mempunyai status sosioekonomi dan tahap pendidikan yang serupa.

Ini berbeza dengan kajian serupa pada 2010 yang menunjukkan golongan yang paling mahu berhijrah mempunyai status sosioekonomi lebih tinggi.

"Kelas bukanlah faktor yang membezakan kelompok-kelompok ini pada 2016, meskipun upaya untuk bertutur dalam bahasa Inggeris merupakan satu faktor," ujar penyelidik bersekutu IPS, Cik Debbie Soon.

Katanya, ini mungkin disebabkan peluang untuk ke luar negara telah dibuka kepada semua belia Singapura tidak kira latar belakang.

Dalam pada itu, belia Melayu pula membentukkan 19.3 peratus dalam golongan Penetap Terasing, 18.8 peratus dalam Penetap Berjaya, 23.2 peratus dalam Penjelajah dan 17.9 peratus dalam golongan Terasing.